

# **TABUNG KHAIRAT KEMATIAN & KEBAJIKAN AM MASJID TENGKU ABDULLAH AL HAJ, CHENGAL LEMPONG, 26100 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

## **=====PENGENALAN=====**

**DIKEMASKINI PADA 09 May 2024**

Penubuhan Tabung Khairat Kematian & Kebajikan MTAAs telah diilhamkan oleh Qariah dan Pengurusan Masjid dalam Mesyuarat Masjid . Mesyuarat penubuhan telah diadakan pada 27 September 2017, jam 9.00 malam di MTAAs.

Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Am ini akan berfungsi di bawah naungan MTAAs. Keahliannya adalah disasarkan kepada Qariah MTAAs serta ahli keluarga yang menjadi tanggungannya dan ahli jemaah Surau sekitarnya.

## **TUJUAN PENUBUHAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN**

1. Matlamat asas penubuhan adalah untuk membantu meringankan beban waris si mati.
2. Menyatukan penduduk setempat untuk mencari jalan terbaik dalam penyelesaikan sesuatu tugas apabila berlaku satu-satu kematian.
3. Memupuk semangat bekerjasama antara masyarakat setempat tanpa mengira fahaman masing-masing.

## **SYARAT-SYARAT KEAHLIAN**

1. Terbuka kepada orang Islam yang bermastautin di MTAAs serta ahli jemaah Surau sekitarnya dan penduduk Kg Chengal Lempong.
2. Satu keahlian akan mewakili satu rumah atau satu keluarga di bawah tanggungannya dan hendaklah didaftarkan dalam Borang Pendaftaran:
  - a. Ahli.
  - b. Isteri/suami.
  - c. Anak-anak yang belum berkahwin atau tidak bekerja.
    - Anak lelaki sehingga berkahwin.
    - Anak perempuan yang tidak berkahwin sepanjang hayatnya.
    - Anak kurang upaya (OKU) sepanjang hayatnya.

- d. Ibubapa/ibubapa mertua yang tinggal bersama secara tetap.
  - e. Sekiranya mempunyai isteri lebih dari satu, pendaftaran hendaklah dibuat berasingan.
  - f. Sekiranya ada tambahan ahli keluarga atau ibubapa yang tinggal bersama-sama hendaklah dimaklumkan melalui borang baru.
  - g. Bagi yang tidak kemampuan, ahli qariah hendaklah mengisi borang pendaftaran dan kelulusan atas budi bicara Badan Khairat.
3. Keahlian berkuatkuasa apabila borang pendaftaran telah disahkan oleh Pengerusi/ Setiausaha AJK Khairat Kematian & Kebajikan MTA dan setelah membuat pembayaran bulan pertama.
4. Ahli yang berpindah masih boleh kekal menjadi ahli dengan syarat yuran bulanan dan kutipan terus dijelaskan dan alamat baru hendaklah diberitahu untuk mudah dihubungi.
5. Mereka yang tidak layak menerima sumbangan – saudara kandung, anak yang meninggal dalam kandungan/keguguran, nama tidak didaftarkan dalam Borang pendaftaran, walaubagaimanapun wang ehsan akan disumbangkan dibawah Kebajikan Am.
6. Penerimaan sebagai ahli jemputan/kehormat adalah atas budibicara AJK Khairat Kematian & Kebajikan Am dan AJK MTA. Ahli kehormat/jemputan akan menerima kemudahan-kemudahan yang sama seperti ahli biasa.
7. Sebarang pindaan kepada Peraturan ini adalah tertakluk kepada keperluan semasa.
8. Sekiranya timbul apa-apa masalah berhubung dengan tafsiran atau peraturan Tabung ini, keputusan AJK Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Am adalah muktamad.

## YURAN

1. Yuran Pendaftaran sebanyak RM50.00 (LIMA PULUH RINGGIT) dan yuran tahunan sebanyak RM 50.00 (LIMA PULUH RINGGIT) akan dikenakan beserta borang keahlian adalah syarat sebagai ahli setelah disahkan oleh Pengerusi serta AJK.
2. Tempoh keahlian diterima secara automatik bagi ahli yang mendaftar pada tarikh tersebut sehingga setahun dari tarikh yuran diterima (selama setahun) bagi mendapat sumbangan penuh sekiranya berlaku kematian.
3. Kutipan RM 50.00 ( lima puluh ringgit) sebagai YURAN akan dijalankan setiap hari Jumaat. Satu Tabung akan disediakan beserta dengan sampul surat bagi menulis nama dan maklumat untuk dimasukan kedalam tabung. Resit akan diberikan pada Jumaat berikutnya dikawasan papan kenyataan.
4. Ahli yang baru mendaftar pada Jun 2018 dan seterusnya akan dikenakan edah selama 3 bulan bagi mendapatkan sumbangan sekiranya berlaku kematian walaubagaimanapun sumbangan akan ditentukan atas budi bicara Badan Khairat.
5. Keahlian akan dibatalkan sekiranya ahli tidak membuat pembayaran selama 3 tahun berturut-turut.

6. Ahli yang telah dibatalkan keahlian perlu mendaftar semula dan akan dikenakan edah selama 3 bulan dari tarikh pembayaran baru bagi mendapatkan sumbangan sekiranya berlaku kematian.
7. Segala yuran yang telah dibayar tidak akan dikembalikan sekiranya ahli menarik diri atau dibatalkan daripada menjadi ahli seterusnya.
8. Sekiranya berlaku kematian dalam satu keluarga, pendaftaran terbatal dengan sendiri dan waris diminta mengisi borang baharu melalui ketua keluarga yang baru.
9. Sekiranya tahap kewangan tidak mengizinkan, pemberian sumbangan adalah tertakluk kepada tahap kewangan Tabung.
10. Jumlah yang minimal daripada Tabung akan digunakan untuk pengurusan Tabung.

#### SUMBANGAN APABILA BERLAKU KEMATIAN

1. Sumbangan bagi satu kematian: ·

Ahli berdaftar	:	RM 1000.00.
Suami/isteri	:	RM 1000.00.
Anak/tanggungan kepada ahli	:	RM 1000.00.
Ibubapa/mertua kepada ahli	:	RM 1000.00.
Anak baru lahir/keguguran cukup sifat	:	RM 500.00

2. Jika berlaku dua atau lebih kematian serentak dalam satu keluarga atau tanggungan (multiple death), kematian yang pertama sehingga yang ketiga akan menerima sumbangan penuh dan seterusnya akan menerima sumbangan kewangan yang akan ditentukan oleh AJK Khairat Kematian & Kebajikan MTAA.

3. Maksimum RM 2,400.00 (Dua ribu Empat Ratus Ringgit) akan dikeluarkan bagi kematian serentak.

#### AKAUN

1. Akaun bagi Tabung Khairat adalah Akaun bank Muamalat -0601 0004 1377 14 didaftarkan sebagai akaun kedua di bawah MTAA
2. Penyata kira-kira akan dibuat setiap hujung tahun dan akan disahkan oleh pemeriksa kira-kira. Penyata Kira-Kira akan dibentangkan dalam Mesyuarat Tahunan Khairat Kematian yang akan diadakan sebelum 31 Mac tahun berikutnya.

## KEMUDAHAN LAIN

Pihak pengurusan Tabung Khairat Kematian MTAAs akan membantu waris simati dalam mendapatkan kemudahan bagi pengurusan jenazah seperti berikut:

1. Urusan mendapatkan kenderaan jenazah.
2. Tempat mandi jenazah.
3. Team mandi jenazah.
4. Set kelengkapan kapan dan keranda.
5. Tanah perkuburan dan penggali kubur.
6. Imam solat jenazah.
7. Bacaan Yasin dan tahlil di Madrasah MTAAs atau rumah waris si mati di Kg Chengal Lempong.
8. Kursus Jenazah secara percuma akan diadakan di MTAAs

\* Semua kos urusan akan ditanggung oleh waris dari sumbangan yang telah diberikan.

## Pembayaran pengurusan jenazah ( Bukan Ahli)

Mandi Jenazah	RM 250.00
Gali Kubur	RM 250.00
Kelengkapan	RM 300.00
Van	RM 100.00 ( Terhad 15km radius sahaja)
Talkin	RM 50.00
Solat Jenazah	RM 50.00
Keranda	RM 300.00
Permit Kubur	RM 300.00
Jumlah RM	RM1600.00

**CARTA ORGANISASI KHAIRAT MTA**

**PENAUNG**

KETUA KG CHENGAL LEMPONG – SHIKH ZAHARI

**PENGERUSI**

HJ SOFI

**NAIB PENGERUSI**

HJ FAIZ / BADARUDDIN

**BENDAHARI**

HJ NASIR

**SETIAUSAHA**

**SAHAIRI**

**AJK**

**SEMUA PENGAWAI MASJID DAN AJK**

**SEMUA AHLI JEMAAH MTA**